

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	AMBIL TINDAKAN SEGERA ATASI PENCEMARAN SUNGAI JURU
	SUMBER	HARIAN METRO (15 APRIL 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (LOKAL)

NELAYAN, PENTERNAK KERANG TERJEJAS

Ambil tindakan segera atasi pencemaran Sungai Juru

Seberang Perai: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB), Jabatan Alam Sekitar (Jas) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi pencemaran Sungai Juru di Seberang Perai Tengah (SPT) yang semakin serius ketika ini.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan CAP mendapati kejadian berpunca daripada rumpai hanyut dan sisa buangan plastik dari Sungai Rambai dibawa arus ke Sungai Juru dan laut berhampiran menyebabkan nelayan dan pen-

ternak kerang di Kampung Kuala Juru terjejas.

"Jika tindakan segera tidak diambil, nelayan dan penternak kerang di kampung berkenaan akan terjejas sumber pendapatan dengan lebih teruk lagi pada masa akan datang.

"CAP meminta kerajaan negeri, MBSB, Jas dan JPS turun padang melihat secara dekat kejadian ini dan mengambil tindakan tegas terhadap punca berlakunya masalah itu," katanya dalam kenyataan media semalam.

Mohideen berkata, tindakan undang-undang yang tegas perlu diambil ke atas pihak yang dikenal pasti menjadi punca kejadian itu.

"Jas dan MBSB perlu

membuat pemantauan secara berterusan supaya masalah ini tidak berulang.

"CAP juga berharap pihak kerajaan menyalurkan bantuan atau pampasan kepada nelayan dan penternak kerang yang mengalami kemerosotan hasil pendapatan akibat masalah ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Nelayan Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, 57, berkata, masalah yang berlarutan sejak lima tahun lalu itu sudah dinakham kepada pihak berkenaan tetapi tidak ada tindakan berkesan diambil.

"Selain pukut nelayan rosak dirempuh rumpai hanyut dan sampah sarap,



Sisa buangan plastik dan rumpai hanyut dari Sungai Rambai mencemari Sungai Juru.

pembesaran kerang yang ditenak juga terhantut dan menjejaskan sumber pendapatan penternak yang terabit," katanya.

Penternak kerang, Helmi

Ibrahim, 45, pula berkata, jika pencemaran rumpai hanyut dan sampah sarap masih berlaku dan tidak ditangani segera, kemungkinan lebih besar kerugian

dialami.

"Kami bimbang kerang yang ditenak boleh mati jika rumpai dan sisa plastik mendap di kawasan ternakan kerang," katanya.

2.	TAJUK	DIDIK MASYARAKAT 'HIDUP HARMONI' DENGAN HAIWAN, ALAM SEKITAR
	SUMBER	BH (17 APRILI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (MINDA PEMBACA)

Didik masyarakat 'hidup harmoni' dengan haiwan, alam sekitar

Syahrizan Alias, Kuala Besut

Saya terpenggil mengulas dua insiden terbaharu gangguan haiwan liar di kawasan penempatan manusia.

Pertama di Kampung Bukit Pelong, Setiu, Terengganu, membabitkan serangan kera ke atas rumah penduduk, manakala kejadian kedua di Bandar Utama Gua Musang (BUGM), Kelantan, yang menyaksikan kemunculan seekor beruang matahari.

Sebelum ini, kita selalu membaca kemunculan Pak Belang di kawasan penempatan yang pastinya lebih menakutkan penduduk atau sekumpulan gajah merosakkan pokok di kawasan pertanian.

Kejadian ini bukan sahaja memberikan masalah dan mencetuskan ketakutan dalam kalangan penduduk sekitar. Namun, kita perlu meneliti persoalan pokok sebenar, iaitu siapa sebenarnya yang 'menceroboh' terlebih dahulu?

Kita sudah pasti simpati dengan penduduk Kampung Bukit Pelong apabila kera liar semakin berani masuk ke dalam rumah, merosakkan harta benda dan mengejar manusia terutama kanak-kanak. Apatah lagi, sekiranya ia sudah bertiarutan sejak tahun lalu.

Di Gua Musang pula, kehadiran seekor beruang matahari berkeliaran berhampiran premis perniagaan dan kawasan kediaman, pastinya mencetuskan panik dan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk.

Bagaimanapun, dalam kita menuding jari kepada haiwan liar sebagai penceroboh, pernahkah kita memikirkan mungkin kitalah sebenarnya terlebih dahulu 'menceroboh' habitat mereka?

Penerokaan kawasan hijau tidak terkawal

Hakikatnya, penerokaan kawasan hijau untuk projek pertanian dan pembangunan, pembalakan tidak terkawal serta perluasan penempatan manusia mendesak haiwan keluar daripada habitat semula jadi mereka.

Apabila kawasan hutan semakin mengecil dan terganggu, sumber makanan haiwan berkurangan

hingga ruang untuk mereka berkeliaran semakin terbatas. Maka tidak hairanlah jika haiwan ini 'terpaksa' mencari rezeki di kawasan manusia.

Kita perlu memahami haiwan liar, terutama beruang, gajah dan harimau bukanlah haiwan yang lazim bergaul dengan manusia. Kemunculan mereka di kawasan penempatan manusia mencerminkan tekanan terhadap habitat mereka sendiri yang terlebih dahulu diganggu.

Ini adalah simptom kepada masalah lebih besar - iaitu ketidakseimbangan ekologi akibat perancangan pembangunan yang tidak lestari. Jadi, kita perlu menilai semula pendekatan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Pihak berwajib termasuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) memang sudah menjalankan tugas pemantauan dan tindakan reaktif seperti menghalau haiwan liar.

Namun, kita perlukan pendekatan lebih menyeluruh, termasuk mewujudkan kawasan penampakan antara hutan dengan penempatan manusia, kawa-

lan lebih ketat terhadap pembalakan serta pelaksanaan audit impak alam sekitar (EIA) lebih teliti.

Di samping itu, masyarakat juga perlu dididik untuk mengetahui tingkah laku haiwan liar dan cara berinteraksi secara selamat. Ini juga termasuk soal kebersihan, contohnya menyimpan sisa makanan di tempat terbuka atau membuang sampah di pinggir hutan boleh menarik haiwan liar.

Pada masa sama, dalam kes seperti beruang matahari dikesan berkeliaran, orang ramai perlu diingatkan untuk tidak bertindak agresif terhadap haiwan, sebaliknya melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Akhirnya, kita perlu sedar haiwan liar bukanlah musuh, sebaliknya mereka sebahagian ekosistem untuk kita kongsi bersama. Kita boleh membina rumah lebih besar atau membuka tanah lebih luas, tetapi jangan kita lupa hutan juga adalah rumah buat makhluk lain.

Jika kita terus 'menceroboh' alam, jangan terkejut jika ia 'membalas' dengan cara kita tidak jangka.



3.	TAJUK	COCONUT PLANTATION FIRE DESTROYS TRESS, POLLUTES AIR
	SUMBER	NST (5 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	PRONT PAGE & 7 (NEWS/NATION)

4.	TAJUK	PAHANG RULER ADVISER PEOPLE TO STAY INDOORS
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	7(NATION/NEWS)

5.	TAJUK	SAMSENG DALANGI E-WASTE HARAM
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	MUKA DEPAN,9 (NASIONAL)

6.	TAJUK	146 DITAHAN DALAM OPS HAZARD ADALAH WARGA ASING
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

7.	TAJUK	E-WASTE GANGSTER LINKS REVEALED
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NEWS/NATION)

8.	TAJUK	HAZE ENVELOPS KUANTAN AMID BLAZE
	SUMBER	NST (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT

	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NEWS/NATION)
--	---------------------------	------------------------

9.	TAJUK	DAKWA DI BAWAH AMLA, POCA TINDAKAN BETUL
	SUMBER	BH (6 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

10.	TAJUK	PENGUAT KUASA DIUGUT DENGAN VIDEO AKTIVITI ANAK DI SEKOLAH
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

11.	TAJUK	KILANG MUNGKIN ADA KAITAN SINDIKET JENAYAH
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

12.	TAJUK	E-WASTE GANGS THREATEN OFFICERS
	SUMBER	NST (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NATION/NEWS)

13.	TAJUK	SINDIKET E-SISA DAH MELAMPAU
	SUMBER	BH (7 MAC 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (DEWAN RAKYAT)

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**